

قيهمق بركواس ماريتيم دان قلابوهن بروني دارالسلام

MARITIME AND PORT AUTHORITY OF BRUNEI DARUSSALAM

Untuk Perhatian: Pemilik-Pemilik Kapal, Syarikat Perkapalan, Nakhoda-Nakhoda Kapal, Operator-Operator Bot, Pemandu Bot dan Ejen-Ejen Perkapalan.

NOTIS PERKAPALAN BIL: 02/2018: "PENCEMARAN MINYAK DARI KAPAL"

Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD) ingin mengingatkan dan menekankan kepada semua Pemilik-Pemilik Kapal, Syarikat-Syarikat Perkapalan, Nakhoda-Nakhoda Kapal, Operator-Operator Bot, Pemandu-Pemandu Bot dan Ejen-Ejen Perkapalan yang menggunakan mana-mana kawasan Perairan Negara Brunei Darussalam untuk mengambil langkah-langkah keselamatan bagi memastikan kapal-kapal mereka dikendalikan dan dioperasikan dalam keadaan yang selamat dan terjamin dari aspek teknikal.

MPABD juga ingin menekankan bahawa adalah menjadi satu (1) kesalahan di bawah Perintah Pencegahan Pencemaran Laut, 2005 (*Prevention of Pollution of the Sea Order, 2005*), bagi mana-mana Kapal membuang minyak atau campuran yang berminyak di mana-mana kawasan Perairan Negara Brunei Darussalam. Mana-mana kapal yang didapati melakukan kesalahan tersebut maka nakhoda, pemilik dan agen kapal tersebut boleh dikenakan denda tidak kurang dari \$1,000 dan tidak melebihi \$1,000,000 atau dipenjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Seterusnya, mana-mana nakhoda, pemilik atau agen juga bertanggungjawab bagi membayar kos ke atas langkah-langkah pembersihan yang diambil bagi menangani dan pencegahan dari memburukkan atau menjejaskan persekitaran kawasan Perairan Negara Brunei Darussalam.

Jika terjadi sebarang insiden pembuangan atau pencemaran minyak atau campuran yang berminyak di mana-mana kawasan Perairan Negara Brunei Darussalam, orang ramai bolehlah menghubungi pihak MPABD di talian +673-2771998 atau +673-2770270 bagi sebarang aduan atau laporan.



[BASZA ALEXZANDAR BIN HAJI BASRI]

Port Master

Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam

Ruj : (71)/MPA/006/OL/23
Tarikh: 18 hb September 2018
S.k. : Master File
File